

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld.5 (4)

3 Ogos 2026

19 Safar 1448

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 41 /2026

PENAMBAHBAIKAN KAWALAN OPERASI KAMPUS DALAM MENANGANI KRISIS TENAGA GLOBAL DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) secara edaran pada 30 Julai 2026 telah bersetuju meluluskan **cadangan penambahbaikan Kawalan Operasi Kampus Dalam Menangani Krisis Tenaga Global di Universiti Teknologi Malaysia (UTM)** berkuat kuasa mulai **1 Ogos 2026**.

2. UTM telah melaksanakan Kawalan Operasi Kampus Dalam Menangani Krisis Tenaga Global mulai 15 April 2026 sebagai langkah penyesuaian terhadap peningkatan kos tenaga dan arahan Kerajaan berkaitan pelaksanaan Bekerja Dari Rumah (BDR) semasa Konflik Asia Barat.

3. Susulan penguatkuasaan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) Ceraian SR.4.1.3: Pelaksanaan Hari Bekerja Hibrid (HBH) sebagai Norma Baharu Perkhidmatan Awam bagi menggantikan pengaturan Bekerja Dari Rumah (BDR) Konflik Asia Barat yang berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2026, Universiti telah menyemak semula langkah-langkah kawalan operasi kampus serta pelaksanaan Fasa Pengukuhan Pemahaman Aturan Kerja Fleksibel (AKF) yang dilaksanakan mulai 1 Januari hingga 31 Julai 2026.

4. Semakan ini mendapati pelaksanaan AKF adalah selaras dengan konsep HBH yang diperkenalkan oleh Kerajaan dan menjadi asas kepada pelaksanaan penuh AKF serta penambahbaikan kawalan operasi kampus bagi memastikan penyampaian perkhidmatan Universiti kekal cekap, berkesan dan relevan dengan keperluan semasa..

5. Pelaksanaan penambahbaikan kawalan operasi kampus adalah seperti berikut:

5.1 Bekerja Dari Rumah (BDR) Mandatori

- a) Pelaksanaan BDR Mandatori semasa kawalan operasi kampus dalam menangani krisis tenaga global **ditamatkan**
- b) **Digantikan** dengan **pelaksanaan penuh AKF** yang disesuaikan dengan konsep Hari Bekerja Hibrid (HBH).
- c) Tempoh pelaksanaan pengukuhan pemahaman AKF dilanjutkan sehingga 31 Julai 2026
- d) Semua aktiviti pengajaran, penyelidikan, pentadbiran dan operasi kampus diteruskan seperti biasa.

5.2 Bengkel/Mesyuarat

a) Mesyuarat Secara Hibrid

- i. **Mesyuarat boleh dilaksanakan secara fizikal atau hibrid** mengikut keperluan operasi PTJ.
- ii. **Pendekatan hibrid** menjadi norma baharu pelaksanaan mesyuarat Universiti.
- iii. **Mesyuarat perolehan untuk kelulusan** (Lembaga Perolehan, Sebutharga A & B) dilaksanakan **secara fizikal** bagi staf UTM, manakala wakil luar boleh hadir **secara hibrid**.
- iv. **Mesyuarat perolehan selain daripada tujuan kelulusan** boleh dilaksanakan **secara hibrid**.

b) Hari Jumaat Tanpa Mesyuarat (*Deep Work*)

- i. **Hari Jumaat dikekalkan sebagai Hari Tanpa Mesyuarat** bagi meningkatkan fokus dan produktiviti.
- ii. **Perbincangan kecil** bagi urusan kerja yang mendesak masih dibenarkan.
- iii. **Mesyuarat kewangan dan perolehan** yang memerlukan **korum wajib** atau tertakluk kepada ketetapan LPU dibenarkan diadakan pada **hari Jumaat**.

c) Program di Luar Kampus Universiti

- i. **Penganjuran bengkel di luar kampus UTM** dibenarkan dengan **kelulusan Naib Canselor bagi kos penganjuran berjumlah RM20,000 hingga RM30,000**, manakala bagi kos penganjuran program yang melebihi RM30,000 hendaklah dibawa ke JPU untuk **kelulusan**.
- ii. **Kekerapan** dihadkan kepada **satu (1) kali sebulan bagi setiap PTJ**.
- iii. **Kos maksimum penganjuran ialah RM30,000.00 bagi setiap program**.
- iv. **PTJ digalakkan menggunakan kemudahan UTM** (bilik seminar, dewan dan ruang sedia ada) bagi mengoptimumkan penggunaan fasiliti dan mengawal perbelanjaan.
- v. **Program khas yang melibatkan agensi atau institusi luar hendaklah mendapat kelulusan Ketua PTJ yang diberi kuasa atau Pengurusan Universiti, mengikut tahap penganjuran** (kementerian, negeri, komuniti atau industri).

d) Program rasmi Universiti boleh dilaksanakan seperti biasa.

5.3 Pergerakan Kenderaan Universiti

- a) **Penggunaan kenderaan, bahan api, perkhidmatan bas ulang-alik dan amalan perkongsian kenderaan Universiti** dikekalkan
- b) **Sistem aplikasi VRMS** akan digunakan secara **sepenuhnya** bagi kelulusan oleh Ketua Jabatan.
- c) **Penggunaan borang khas tempahan** kenderaan yang memerlukan kelulusan oleh TNCP sebelum ini **dimansuhkan**.

5.4 Aktiviti Penyelidikan

- a) Kawalan Aktiviti penyelidikan **ditamatkan**
- b) Aktiviti makmal dan penyelidikan boleh dilaksanakan seperti biasa.

5.5 Kawalan Perbelanjaan dan kelulusan peruntukan kewangan program

- a) **Had kelulusan perbelanjaan program** dipinda dan disemak semula seperti berikut:
 - i. JPU - Melebihi RM50,000
 - ii. Naib Canselor - RM20,000 - RM50,000
 - iii. Ketua PTJ diberi kuasa* - RM10,000 - RM20,000
 - iv. Ketua PTJ lain - Sehingga RM10,000

**Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan, Ketua Kampus (UTM KL), Penolong Naib Canselor (Kualiti dan Transformasi Digital), Pejabat Kualiti dan Transformasi Digital, Ketua Kampus (UTM Pagoh), Pengarah (RMC) dan Pengarah (CCIN)*

- b) **Jamuan mesyuarat dalaman tidak dibenarkan** kecuali dengan kelulusan oleh Ketua PTJ atau Pegawai yang diberi kuasa mengikut kadar dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa;
- c) **Jamuan mesyuarat yang ada melibatkan pihak luar dibenarkan** mengikut kadar dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa;
- d) **Jamuan bengkel dan kursus dibenarkan** mengikut kadar dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa terhad kepada penyediaan **sarapan pagi dan makan tengah hari sahaja**;
- e) **Bengkel dan program di luar negara** perlu mendapat **kelulusan JPU**;
- f) **Tuntutan perjalanan** dibenarkan dengan **kelulusan Ketua PTJ**;

5.6 Penyediaan Common Area

- a) Fungsi *Common Area* **ditamatkan**

6. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah dimohon untuk mengambil maklum berkaitan penambahbaikan kawalan operasi kampus dalam menangani krisis tenaga global ini serta memastikan semua ketetapan dipatuhi bagi menjamin kelancaran penyampaian perkhidmatan Universiti.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah